

Surat sokongan: DAP pecat 1, gantung 1
Malaysiakini.com
September 3, 2010

Jawatankuasa disiplin DAP telah memecat Yap Hock Siew kerana mengeluarkan surat sokongan bagi mencadangkan syarikat yang dimilikinya bersama untuk kontrak kerajaan negeri.

Jawatankuasa itu juga memutuskan untuk menggantung keahlian seorang lagi ahlinya, Ong Chai Huat untuk selama dua tahun kerana dia adalah pemilik bersama syarikat berkenaan.

dap disciplinary committee on tee boon hock 310710 tan kok wai 2Menurut kenyataan media yang dikeluarkan oleh pengerusi jawatankuasa disiplin DAP itu, Tan Kok Wai - Yap mengeluarkan surat sokongan itu pada 17 Jun lalu atas kedudukannya sebagai ketua kampung, Kampung Baru Pandaran.

Yap adalah pengerusi cawangan Pasar Pandamaran DAP manakala Ong pula adalah naib pengerusi di cawangan yang sama.

"Mereka diberikan 14 days dari tarikh surat itu untuk untuk mengemukakan rayuan bertulis berhubung keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa pusat parti," kata Tan.

Yap didakwa mengeluarkan surat sokongan yang mencadangkan syarikatnya, First Team Enterprise untuk kontrak menyelenggara dan membersih pintu air di Jalan Papan Pandamaran.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/141854>